

# GEO *Tour de* Malaysia

KERJA LAPANGAN PELAJAR  
GEOSAINS TAHUN 3

*m.s. : 20*





# KERJA LAPANGAN KAJIAN SOSIOLOGI DAN PEMBANGUNAN LESTARI

## PULAU TELUK RENJUNA DAN PULAU SERATUS, TUMPAT KELANTAN

Nor Sayzwani Sukri & Muhamad Azahar Abas



Pada 15 – 17 Mei 2023, seramai 50 orang pelajar Tahun 3 Program SEL yang mengambil kursus elektif Sosiologi dan Pembangunan Lestari (EKE3093) berpeluang menjalani P&P di luar bilik kuliah dengan mengkaji sosiologi dan pembangunan lestari di Pulau Teluk Renjuna dan Pulau Seratus, Tumpat Kelantan. Uniknyanya untuk ke Pulau Teluk Renjuna dan Pulau Seratus pelajar, masyarakat serta pelancong perlu menaiki bot penambang yang ada di Jeti Kuala Besar, Kota Bharu dan Jeti Kok Majid, Tumpat.



Kerja lapangan ini telah memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai sistem pengurusan ekonomi dan aktiviti yang terdapat di Pulau Teluk Renjuna dan Pulau Seratus. Selain itu, pelajar dapat berkongsi konsep pembangunan lestari dan pandangan masyarakat terhadap kesan langsung terhadap pembangunan setempat yang rata-ratanya penduduk adalah nelayan dan buruh kampung. Dalam pada masa yang sama, pelajar menjalankan khidmat komuniti dengan membersihkan kawasan masjid dan sekitar Pulau Teluk Renjuna.

Disamping menjalankan kerja lapangan, pelajar dapat merasai sendiri kemeriahan dan keunikan Pasar Terapung Sri Tanjung di Pulau Teluk Renjuna yang terletak 50 meter dari tempat penginapan pelajar. Keistimewaan Pasar Terapung Sri Tanjung adalah penjual menjual pelbagai makanan tradisi kampung dari dalam bot dan hanya dibuka pada hari Jumaat dan Sabtu. Ini menjadi salah satu tempat tarikan pelancongan di Tumpat, Kelantan dan dalam pada masa yang sama dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi penduduk Pulau Teluk Renjuna.

